

02/09/2002

'Bakar Jalur Gemilang perbuatan kurang ajar'

Dr Mohamad Khir Toyo

PERBUATAN penunjuk perasaan Indonesia yang menggelarkan diri mereka Laskar Merah Putih membakar Jalur Gemilang di depan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta dan cubaan untuk mencerooboh Kedutaan Malaysia kerana membantah hukuman sebat yang dikenakan terhadap rakyat Indonesia yang bekerja secara haram di Malaysia adalah perbuatan kurang ajar, tidak bertamadun, biadap dan tidak boleh sama sekali diampunkan.

Oleh itu tidak perlulah kita meniru perbuatan mereka dengan membakar pula Sang Merah Saka. Ini kerana ia tidak ada gunanya kecuali memuaskan hati yang sedang marah.

Tidak akan ada tindakan kita yang akan menyebabkan mereka berada pada keadaan yang lebih teruk sebagai satu bangsa dan sebuah negara daripada keadaan mereka hari ini. Mereka boleh berbuat demikian dengan cemerlang tanpa sebarang bantuan daripada kita.

Terbakarnya Jalur Gemilang di tangan 'samseng jalanan' ini bermakna berakhirnya sebarang bentuk hubungan istimewa yang mungkin wujud berasaskan konsep serumpun, seagama, sebudaya atau sebahasa di antara Malaysia dan Indonesia.

Marilah kita menjalin hubungan baru dua hala berasaskan prinsip kepentingan kebangsaan tulen tanpa terpengaruh dengan lain-lain faktor.

Bagi saya, kita tidak perlu menerima pakai konsep memakmurkan jiran dalam konteks hubungan Malaysia-Indonesia, sebaliknya kita perlu satu bentuk dasar 'containment' terhadap Indonesia bagi menangani potensi ancaman negara terbabit pada masa depan, lebih-lebih lagi jika Amien Rais muncul sebagai Presiden republik berkenaan.

Ekonomi Malaysia tidak mampu lagi bergantung kepada asas pertumbuhan yang disebabkan sumbangan faktor buruh asing yang murah semata-mata, sebaliknya kita harus melihat kepada konsep total factor productivity di dalam merangsang pertumbuhan yang bersifat sihat dan mapan.

Jika tidak, kita akan menjadi tebusan kepada ugutan ekonomi sebegini.

Kenapa Malaysia sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat tidak boleh melaksanakan undang-undang kita sendiri? Apakah keistimewaan rakyat Indonesia sehinggakan mereka perlu kebal dari undang-undang negara ini?

Cukuplah kita bersikap apologetik terhadap Indonesia selama ini, akhirilah hubungan bersifat abang adik yang wujud untuk sekian lama.

Indonesia sebenarnya tidak sanggup melihat negara sama rumpun yang merdeka lebih lewat dari mereka dengan menggunakan cara perundingan berbanding revolusi berdarah lebih maju dan keterhadapan berbanding mereka dalam bidang apa pun.

Apabila Malaysia ingin diwujudkan hampir 39 tahun lalu, Indonesia menentanginya dan di bawah kepemimpinan Sukarno telah melancarkan kempen 'Ganyang Malaysia'.

Baru-baru ini apabila Sekretariat Asean + 3 mahu diwujudkan di Kuala Lumpur, antara negara penentang hebatnya adalah Indonesia yang tidak mahu sebarang usaha dibuat yang kononnya boleh menggerhanakan peranan Sekretariat Asean di Jakarta.

Indonesia dan rakyatnya tidak mahu insaf dan sedar bahawa segala masalah yang dialami oleh negara Indonesia dari tanggal pengisytiharan kemerdekaan mereka pada 17 Ogos 1945 sehingga hari ini adalah diakibatkan dua perkara:

Pertama, pemimpin yang menerajui kepemimpinan republik berkenaan; dan kedua, sikap rakyatnya sendiri bukannya diakibatkan oleh orang lain.

Mari kita bertanya kenapa pertukaran kepemimpinan daripada Suharto

kepada B J Habibie, kemudian kepada Gus Dur dan kini Megawati Sukarnoputri, tidak pun mampu mengubah nasib rakyat Indonesia?

Sedangkan di Malaysia setiap Perdana Menteri daripada Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra hingga Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesemuanya menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara secara positif.

Sebagai rakyat negara tercinta ini, kita harus bersyukur bahawa usaha nasionalis berhaluan kiri negara di dalam lipatan sejarah bangsa yang ingin memperoleh kemerdekaan Tanah Melayu melalui konsep Indonesia Raya atau Melayu Raya, iaitu penyatuan Tanah Melayu dengan Republik Indonesia, telah tidak berjaya.

Hari ini, jika kita menjadi sebahagian daripada Indonesia, maka kita juga akan melarat dan terhina seperti negara itu.

Mereka gah menyatakan kemerdekaan mereka adalah kemerdekaan sebenar kerana ia dicapai melalui revolusi bersenjata, bukannya perundingan.

Tetapi mereka lupa bahawa di bawah Sukarno, yang berkuasa sebenarnya adalah golongan komunis manakala apabila Sukarno dijatuhkan oleh Suharto, ia didukung pula oleh Barat, terutama Amerika Syarikat.

Apabila mereka dilanda krisis ekonomi pada 1997, pantas mereka menyerah dan melutut di kaki Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), menyerahkan kemerdekaan dan kedaulatan mereka kepada Barat.

Beginilah sikap 'myopia' dan 'amnesia' mereka hingga kuman di seberang kelihatan tetapi gajah di depan mata mereka tidak nampak.

Saranan yang dibuat oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, agar rakyat Malaysia tidak melawat Indonesia haruslah dipatuhi.

Indonesia ibarat tuan rumah yang tidak sudi kita sebagai tetamu datang ke rumahnya, maka buat apa kita menebalkan muka bertandang ke rumah itu.

Kita mempunyai maruah yang perlu dipelihara. Banyak lagi negara yang boleh dijadikan tempat melancong atau tempat mencari peluang perniagaan.

Ketika sambutan ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-45 masih berlanjutan, marilah kita semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum menjadikan peristiwa pembakaran Jalur Gemilang yang menjadi lambang maruah negara oleh samseng jalanan Indonesia sebagai titik untuk memperkukuhkan perpaduan nasional.

Marilah kita memperbaharui tekad kita bagi memastikan bahawa negara kita akan terus aman damai, makmur dan stabil.

Jangan sampai maruah kita sebagai rakyat sebuah negara yang merdeka dan berdaulat diperlekehkan buat kali kedua.

Kita harus mengukuhkan lagi pertahanan negara kita. Patriot bangsa yang menyarung uniform pasukan keselamatan negara harus diperlengkapkan sewajarnya bagi melindungi kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Kedua-dua kekuatan diplomasi dan ketenteraan ini hanya mampu dimiliki oleh bangsa dan negara yang kaya dengan ilmu pengetahuan, makmur ekonominya dan punya daya inovasi yang tinggi dan dinamik.

Marilah kita berazam dan berusaha menjadi bangsa dan negara yang berilmu dan mampu membina dan mengolah tamadunya sendiri.

DR MOHAMAD KHIR TOYO,
Seri Atin,
Pekan Simpang Lima,
Sungai Besar, Selangor.